



30 Disember 2024
30 December 2024
P.U. (A) 462

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM
(PINDAAN JADUAL 2) 2024

*ISLAMIC FINANCIAL SERVICES
(AMENDMENT OF SCHEDULE 2) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (PINDAAN JADUAL 2) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 275 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Pindaan Jadual 2) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Januari 2025.

Pindaan Jadual 2

2. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dipinda dalam Bahagian 1 Jadual 2 dengan memasukkan selepas perenggan (*j*) perenggan yang berikut:

(ja) pengeluar wang elektronik yang dikecualikan di bawah Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Wang Elektronik Maksud Terhad) (Pengecualian) 2024 [*P.U.(A) 461/2024*];

(jb) pengeluar suatu instrumen pembayaran Islam, yang instrumen pembayaran itu—

(i) menyimpan dana secara elektronik sebagai tukaran kepada dana yang dibayar kepada pengeluar itu; dan

(ii) berupaya untuk digunakan sebagai suatu cara untuk membuat pembayaran kepada pengeluar itu sahaja,

dalam menjalankan perniagaannya yang mengeluarkan instrumen pembayaran Islam itu;”.

Dibuat 23 Disember 2024

[MOF.SID(S)700-1/2/49 (SK.1): BNM/JUN/1125/50/01; PN(PU2)718/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (AMENDMENT OF SCHEDULE 2) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by section 275 of the Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Islamic Financial Services (Amendment of Schedule 2) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 2 January 2025.

Amendment of Schedule 2

2. The Islamic Financial Services Act 2013 is amended in Part 1 of Schedule 2 by inserting after paragraph *(j)* the following paragraphs:

(ja) an issuer of electronic money exempted under the Islamic Financial Services (Limited Purpose Electronic Money) (Exemption) Order 2024 [P.U. (A) 461/2024];

(jb) an issuer of an Islamic payment instrument, of which the payment instrument—

(i) stores funds electronically in exchange of funds paid to the issuer; and

(ii) is able to be used as a means of making payment to the issuer only, in the course of carrying on its business of issuing the Islamic payment instrument;”.

Made 23 December 2024

[MOF.SID(S)700-1/2/49 (SK.1): BNM/JUN/1125/50/01; PN(PU2)718/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Finance Minister II